



23 NOV, 2020

Pasangan pengantin rai hari bahagia di pasar tani

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pasangan pengantin rai hari bahagia di pasar tani

ALOR SETAR - Sepasang pengantin baharu dari Kampung Alor Kelladi, Langgar di sini mengabadikan hari bahagia apabila mengadakan majlis perkahwinan di Pasar Tani Taman Wira Mergong di sini semalam.

Nur Syuraya Ramli, 21, berkata, majlis itu dirancang selepas kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kedah bermula 9 November lalu.

Katanya, majlis akad nikah bersama pasangannya, Muhd Safuan Muhd Azli, 25, selamat berlangsung di Masjid Padang Petani pada Jumaat lalu berserta majlis kenduri kecil-kecilan di rumah untuk sanak saudara.

“Disebabkan perlu menjaga prosedur operasi standard (SOP) termasuk jumlah tetamu dihadkan, jadi kami sekeluarga tidak dapat menjemput rakan-rakan yang berniaga di pasar tani.



Nur Syuraya dan Muhd Safuan mengedarkan makanan kepada peniaga di Pasar Tani Taman Wira Mergong di Alor Setar sempena majlis perkahwinan mereka semalam.

“Jadi kami mengambil keputusan mengadakan majlis kedua di sini termasuk memakai pakaian pengantin untuk menghidupkan suasana majlis perkahwinan,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Nur Syuraya berkata, bapanya, Ramli Ahmad, 51, merupakan peniaga air minuman di pasar tani itu lebih 20 tahun lalu menyebabkan hubungannya dengan peniaga-peniaga sangat akrab.

“Peniaga di sini sudah

seperti keluarga kami. Sebab itu rasa ralat kalau mereka tidak ada bersama-sama di hari bahagia saya dan suami,” katanya.

Sementara itu, ibunya, Sarina Ibrahim, 50, berkata, dia bersyukur kerana majlis anak ketiganya itu berjalan lancar.

“Alhamdulillah, saya berterima kasih kepada rakan-rakan di pasar tani yang bergotong-royong memasak untuk majlis anak perempuan saya,” katanya.



23 NOV, 2020

Pasangan pengantin rai hari bahagia di pasar tani

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

ALOR SETAR - Sepasang pengantin baharu dari Kampung Alor Keladi, Langgar di sini mengabadikan hari bahagia apabila mengadakan majlis perkahwinan di Pasar Tani Taman Wira Mergong di sini semalam. Nur Syuraya Ramli, 21, berkata, majlis itu dirancang selepas kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kedah bermula 9 November lalu.